



KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
MINISTRY OF ENERGY, SCIENCE, TECHNOLOGY & ENVIRONMENT & CLIMATE CHANGE

SIARAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

3 OGOS 2019

LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN
JEREBU DALAM NEGARA

3 Ogos 2019, PUTRAJAYA - Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang direkodkan pada jam 10.00 pagi menunjukkan 1 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik iaitu di Tawau, Sabah, 66 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana dan 1 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat iaitu di Bandar Indera Mahkota, Pahang (104).

Keadaan ini disebabkan oleh kesan asap daripada hutan dan belukar gambut yang terbakar di Kampung Pulau Manis, Pekan, Pahang yang masih belum terpadam sepenuhnya. Manakala di kawasan lain di Pantai barat Semenanjung Malaysia, jerebu adalah disebabkan jerebu merentas sempadan dari negara jiran.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASMC pada 2 Ogos 2019 (Rajah 1) menunjukkan terdapat lingkaran asap jerebu dari kawasan-kawasan kebakaran tanah dan hutan di kawasan Riau dan Jambi di Sumatera dan lingkaran asap jerebu turut kelihatan di Kalimantan Barat dan Kalimantan Tengah, Indonesia. Arah pergerakan angin dari arah Barat Laut telah membawa asap jerebu dari kawasan Sumatera dan Kalimantan yang terjejas ke kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan kawasan Barat Sarawak dan memberi peningkatan kepada bacaan IPU di kawasan-kawasan tersebut.

Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan telah diaktifkan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara.

Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Keadaan jerebu yang berterusan akan mendatangkan kesan buruk kepada orang awam terutama yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, orang tua, wanita mengandung dan pesakit jantung. Oleh itu, orang awam boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia (www.moh.gov.my) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu.

Semua pihak juga adalah diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka bagi tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5

tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga dipohon bekerjasama memadam kebakaran-kebakaran kecil dan melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian 999 dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, 1-800-88-2727.

-----Tamat-----

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

Dikeluarkan pada: 3.00 petang, 3 Ogos 2019

Maklumat lanjut, sila hubungi:

Puan Mashitah Darus

Pengarah Bahagian Udara,

Jabatan Alam Sekitar.

Tel: 019-2983395

Atau

En Wan Aminordin Wan Kamaruddin

Ketua Penolong Pengarah Kanan,


Bahagian Udara,

Jabatan Alam Sekitar.

Tel: 019-7000840

PETA JEREBU SERANTAU 2 OGOS 2019

Regional Haze Situation



Latest Weather and Haze Situation

In the northern ASEAN region, weather was generally cloudy with some showers. In the southern ASEAN region, dry weather persisted. Persistent hotspot clusters with smoke haze continued to be detected in Riau and Jambi, Sumatra, and West and Central Kalimantan, and Pahang, Peninsular Malaysia.

Updated 7:50 PM 02 Aug

Weather and Haze Outlook

In the northern ASEAN region, some showers can be expected over the next few days. Moderate to strong southwesterly or westerly winds are forecast. In the southern ASEAN region, an escalation in hotspot activities can be expected under the prevailing dry conditions. With the prevailing winds blowing from the southeast or southwest, there may be transboundary transport of smoke haze.

Updated 7:50 PM 02 Aug

BILANGAN TITIK PANAS (HOTSPOTS) 2 OGOS 2019

TARIKH : 02 OGOS 2019
HARI : JUMAAT
SATELIT : NOAA19

NEGARA : MALAYSIA		
BIL.	NEGERI	HOTSPOT
1	Johor	0
2	Kedah	0
3	Kelantan	0
4	Melaka	0
5	Negeri Sembilan	0
6	Pahang	0
7	Perak	0
8	Perlis	0
9	Pulau Pinang	0
10	Sabah	2
11	Sarawak	0
12	Selangor	0
13	Terengganu	0
14	W.P. Kuala Lumpur	0
15	W.P. Putrajaya	0
16	W.P. Labuan	0
JUMLAH HOTSPOT		2

NEGARA SERANTAU		
BIL.	NEGARA	HOTSPOT
1	SUMATERA	0
2	KALIMANTAN	23
3	BRUNEI	0